

20 SEP 2001

Tabung Haji-Panel

PANEL PELABURAN TABUNG HAJI DIUMUMKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Tujuh orang tokoh yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, syarie dan kewangan diumumkan sebagai anggota panel pelaburan Tabung Haji hari ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail telah diumumkan sebelum ini sebagai pengerusi panel berkenaan.

Mereka yang menganggotai panel itu adalah Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abd Rahman, Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Dr Abd Malek Awang Kecil, Pengarah Eksekutif MBF Holdings Berhad, Azizan Abdul Rahman.

Ketua Perkhidmatan Korporat Amanah Capital Malaysia Bhd, Wahid Omar, Pengarah Hartanah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Mohd Bakke Salleh dan dua ahli perniagaan, Datin Paduka Zahridah Ismail dan To' Puan Dr Hayati Mohammad.

Senarai itu diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di sini hari ini.

Zahridah ialah Pengarah Symphony Global Technologies Sdn Bhd dan Pemegang Amanah Yayasan Budi Penyayang manakala Dr Hayati ialah Ketua Projek bagi Proses Perniagaan di Kementerian Sumber Manusia.

Seorang lagi anggota panel akan dilantik oleh Bank Negara, kata Abdul Hamid kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penerimaan Cek Zakat Perniagaan di Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di sini.

Beliau berkata anggota-anggota panel dipilih berdasarkan pandangan daripada pelbagai pihak dalam usaha memperbaiki kelemahan pelaburan oleh Tabung Haji.

Rombakan panel pelaburan Tabung Haji diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Ogos lalu selepas Tabung Haji didapati mengalami kerugian akibat pelaburan "kurang bijak".

Pelbagai pihak juga telah mempertikaikan keupayaan pengurusan Tabung Haji terutama selepas pembayaran bonus hanya 5.5 peratus tahun lepas berbanding 8 peratus pada tahun sebelumnya. Tabung Haji mempunyai kira-kira empat juta simpanan.

Abdul Hamid baru-baru ini berkata pengurusan Tabung Haji perlu disusun semula secara menyeluruh bagi mengelak ia daripada terus mengalami kerugian besar sehingga terpaksa diselamatkan seperti Penerbangan Malaysia (MAS) dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Mengenai usaha mengelak penipuan pengeluaran wang simpanan, Abdul Hamid berkata agensi itu sedang berusaha memperkemaskan sistem pengeluaran simpanan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Pada Julai lepas, Tabung Haji kerugian RM7.7 juta yang dikeluarkan daripada dua akaun pendeposit oleh kumpulan yang memalsukan dokumen seperti kad pengenalan dan geran tanah.

Sementara itu pada majlis berkenaan, sembilan buah syarikat membayar zakat perniagaan berjumlah RM4 juta kepada PPZ.

Syarikat-syarikat itu ialah Bank Rakyat (RM1.9 juta), Perumahan Kinrara Bhd (RM663,348), KAF Discounts Bhd (RM638,000), Tenaga Nasional Berhad (RM424,842), Takaful Malaysia (RM193,255), MOCCIS (RM103,000), Asean Retakaful International (RM72,374), Kospeta Bhd (RM22,867) dan Kopetro Bhd (RM28,024).

Pengerusi PPZ, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar dalam ucapannya berkata

banyak syarikat perniagaan Islam telah mula sedar akan kewajipan membayar zakat.

Tahun lepas, PPZ mengutip zakat berjumlah RM56 juta, katanya.

PPZ pada tempoh Januari hingga Jun tahun ini telah mengagihkan sumbangan kepada untuk fakir sebanyak RM323,189, miskin (RM1.2 juta), amil (RM3.8 juta), muallaf (RM527,134), Al Riqab (RM4,000), Al Gharim (RM122,707), Ibnu Sabil (RM72,608) dan Fisabilillah (RM5.4 juta).

-- BERNAMA

SLR AHH MOZ